

**KEPELBAGAIAN DIALEK DALAM KELUARGA DUSUNIK:  
ANALISIS CIRI LEKSIKAL**  
*[DIVERSITY DIALECTS IN THE FAMILY OF DUSUNIK: AN  
ANALYSIS OF LEXICAL ELEMENT]*

*Minah Sintian<sup>1</sup> & Mohd. Sharifudin Yusop<sup>2</sup>*

*<sup>1</sup>Fakulti Bahasa dan Komunikasi*

*Universiti Pendidikan Sultan Idris*

*\*Corresponding author: minahsintian@fbk.upsi.edu.my*

*<sup>2</sup>Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi*

*Universiti Putra Malaysia*

*mosy@upm.edu.my*

**ABSTRAK**

Makalah ini bertujuan untuk meneliti variasi fonem dalam leksikal dialek-dialek keluarga Dusunik, iaitu Bunduliwan, Tangara, Tatana, Mangkaak, Dumpas dan Rungus. Data diteliti menggunakan kaedah dialektologi generatif khususnya teori fonologi generatif. Data kajian diperoleh melalui kajian lapangan dan analisis dokumen menggunakan kamus. Sejumlah 207 senarai kata Swadesh terjemahan bahasa Melayu telah digunakan sebagai instrumen kajian bagi mendapatkan data. Hasil kajian mendapati fonologi dialek-dialek Dusunik mengalami proses perubahan dan pengguguran segmen dalam kata leksikal. Proses perubahan bunyi melibatkan 7 pasangan variasi fonem konsonan, iaitu fonem /l/ dan /h/, fonem /r/ dan /l/, fonem /l/ dan /d/, fonem /h/ dan /s/, fonem /w/ dan /v/, fonem /y/ dan /z/ serta fonem /ʔ/ dan /k/. Proses pengguguran fonem konsonan pula melibatkan fonem /t/, /h/, /r/, /l/ dan /y/. Perubahan dan pengguguran fonem konsonan itu tersebar di awal kata, tengah kata dan akhir kata. Perubahan dan pengguguran boleh mempengaruhi bunyi kata sebutan asal dan memberi impak kepada darjah saling faham-memahami antara penutur dialek yang berasal dari satu bahasa

yang sama. Semakin banyak perubahan dan pengguguran fonem, maka semakin besarlah perbezaan suatu dialek. Akibatnya darjah saling faham makin menurun dan kemungkinan dialek-dialek itu akan terpisah menjadi suatu bahasa sendiri.

**Kata Kunci:** variasi fonem, leksikal, dialek, keluarga Dusunik, teori fonologi generatif

### **ABSTRACT**

*This paper aims to identify the variation of phoneme in the Dusunik family lexical of Bunduliwan, Tangara, Tatana, Mangkaak, Dumpas and Rungus. Data was observed by using the generative dialectology method focusing on generative phonology theory. Studied data was gathered from the field study and document analysis through the dictionary search. An amount of 207 Swadesh wordlist was translated into Malay language which is used for the purpose of instrumental study in gathering the required data. Based on study, it was found that the phonology in Dusunik family was undergoing a process of change and segmental dismissal in lexical word. The sound process change involves with 7 pair of consonant phoneme, which are the phoneme between /l/ and /h/, /r/ and /l/, /l/ and /d/, /h/ and /s/, /w/ and /v/, /y/ and /z/ and /ʔ/ and /k/. On the other hand, the process which involves with the dismissal of consonant phoneme is the phoneme with /t/, /h/, /r/, /l/ and /y/. The changes and consonant phoneme dismissal are found to be spread on the early, middle and last word. Changes and dismissal in words may affect the pronunciation deviation from the original pronunciation and give impact to the degree of understanding between the speakers of the same one language. Increase in tendency for changes and phoneme dismissal will gives a big difference in a dialect. Hence, the resulting degree of understanding between one another will decrease and may result into the possibility of the dialects to be separated and form into a new language itself.*

**Keywords:** phoneme variation, lexical, dialect, Dusunik family, generative phonology theory

## PENGENALAN

Dusunik merupakan salah satu keluarga dalam rumpun Kadazandusun yang terdiri daripada tiga keluarga, iaitu Murutik, Paitanik dan Dusunik. Keluarga Dusunik terdiri daripada kelompok suku-suku peribumi yang mendiami bahagian utara Pulau Borneo atau dikenali sebagai Sabah. Suku-suku dalam keluarga Dusunik tersebar luas di seluruh pelusuk negeri Sabah. Setiap suku mempunyai dialek tersendiri sebagai alat komunikasi dalam kelompok penutur itu. Secara umumnya, penutur dialek yang berdekatan dengan penutur dialek lain mempunyai kebolehfahaman yang tinggi antara satu sama lain. Hal ini selari dengan konsep kontinum dialek, iaitu penutur dialek-dialek yang berdekatan dari segi geografi mempunyai kefahaman menyalang yang lebih tinggi berbanding dengan yang berjauhan (Chambers & Trudgill, 1990).

Dialek-dialek dalam keluarga Dusunik mempunyai pelbagai sebutan, kosa kata, dan tatabahasa yang tersendiri. Kepelbagaian dialek dapat memberi impak dalam kepada darjah saling faham-memahami antara penutur dialek yang berasal dari satu bahasa yang sama. Collin (1986), mengatakan bahawa variasi dialek itu terdapat dalam daerah geografi atau dalam suasana sosial tertentu. Sejarah perkembangan bahasa asal, keadaan geografi fizikal dan sosial, ruang dan waktu antara faktor wujudnya variasi dialek. Kesahihan maklumat berdasarkan sejarah bahasa tidak akan dibahasakan dalam artikel ini. Melalui pemerhatian dan pustaka, negeri Sabah merupakan negeri yang kedua terbesar di Malaysia selepas negeri Sarawak (Ranjit, 2003). Keadaan topografi negeri Sabah yang luas, banjaran bukit, bersungai besar, berhutan tebal, dan berpulau mempengaruhi bahasa Dusunik yang tersebar di negeri Sabah.

Bancian populasi Disember 1963 menunjukkan etnik Kadazandusun merupakan kumpulan penduduk terbesar di negeri Sabah, iaitu 28.29% atau seramai 159, 285 orang daripada keseluruhan populasi di negeri Sabah pada ketika itu (Regis, 1989). Data bancian populasi tahun 2010 kekal mencatatkan etnik Kadazandusun sebagai etnik majoriti di negeri Sabah yang mempunyai keluasan 73, 711 kilometer persegi (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2011). Kadazandusun merupakan kumpulan etnik terbesar di Sabah yang membentuk hampir 30% keseluruhan jumlah penduduk.

Menurut Grimes (1996), 54 daripada 138 bahasa yang terdapat di Malaysia adalah berasal daripada masyarakat pribumi di negeri Sabah. Kebanyakan bahasa pribumi yang terdapat di Sabah termasuk dalam keluarga Austronesia dalam subkeluarga bahasa Formosa dan Malayo-Polynesia (Asmah Omar, 1985).

*Kadazandusun Cultural Association* (<http://kdca.org.my/about/kadazandusun>), mendakwa bahawa etnik Kadazandusun terdiri daripada 40 subetnik seperti Bonggi, Bundu, Dumpas, Gana, Garo, Idaan, Kadayan, Kimaragang, Kolobuan, Kuijau, Lingkabau, Liwan, Lobu, Lotud, Lundayeh, Makiang, Malapi, Mangkaak, Minokok, Murut, Ngabai, Paitan, Pingas, Rumanau, Rungus, Sinobu, Sinorupu, Sonsogon, Sukang, Sungai, Tatana, Tangara, Tidong, Tindal, Tobilung, Tolinting, Tombonuo, Tuhawon, Tutung dan Bisaya. Minah Sintian dan Mohd. Sharifudin Yusop (2016), mendapati keluarga Dusunik terdiri daripada 31 suku yang membawa bersama dialeknya. Kebanyakan keluarga Dusunik tinggal di Penampang, Putatan, Kinarut, Papar, Inanam, Menggatal, Telipok, Tuaran, Tamparuli, Kota Belud, Kudat, Ranau, Tambunan, dan Kuala Penyu (Dayu Sansalu, 2008).

Dialek merupakan subbahasa yang mewakili bahasa tuturan sesebuah penduduk di satu-satu kawasan (Asmah Omar, 1985). Setiap daerah mempunyai variasi dialek yang berbeza antara satu daerah dengan daerah yang lain seperti yang dikemukakan oleh Raja Mukhtarudin (1986). Collins (1986), menyebut bahawa dialek itu terdapat di dalam daerah geografi tertentu atau di dalam suasana sosial tertentu. Trudgill (2014), menegaskan bahawa kawasan geografi mempunyai kaitan rapat dengan dialek apabila wujudnya sebutan dan perkataan baharu di kawasan tersebut. Justeru, makalah ini akan meneliti variasi fonem dalam leksikal dialek-dialek keluarga Dusunik, iaitu Bunduliwan (BL), Tangara (TG), Tatana (TT), Mangkaak (MK), Dumpas (DS) dan Rungus (DR).

## **SOROTON KAJIAN DIALEK**

Kajian dialek di Malaysia memperlihatkan peningkatan saban tahun dalam kalangan sarjana barat dan tempatan. Hal ini membuktikan bahawa kajian dialek agak menarik dan relevan dengan peredaran zaman. Sarjana Barat yang tidak asing lagi dalam kajian dialek Melayu

seperti Collins bergiat aktif dalam penyelidikan dialek di Malaysia khusus dialek-dialek Melayu. Kajian Collins (1983), di kawasan Ulu Terengganu adalah berkaitan dengan retensi fonologi. Antara dapatan kajian beliau ialah penghasilan bunyi diftong pada vokal tinggi di suku akhir kata dalam dialek Ulu Terengganu yang berbeza mengikut lokasi. Penutur-penutur dialek di Betong, Bukit pelam, Butut, dan Capor cenderung menyingkatkan diftong menjadi monoftong. Misalnya, kata "pisau" akan berubah menjadi /pisɔ/ (Betong), /pisa/ (Bukit Pelam), /pisɔ:/ (Butut), dan /pisɔ̃/ (Capor). Kajian Collins itu menjadi perintis kepada pengkaji seterusnya untuk mendalami dialek Melayu di Semenanjung Malaysia.

Chong Shin (2002), sarjana linguistik tempatan yang prolifik telah menambah baik kajian Collins (1985; 1990; 2000) berhubung dengan ciri-ciri fonologi dialek Melayu Sarawak yang tinggal di sepanjang sungai utama di Sarawak. Kajian Chong Shin (2002), adalah berkaitan dengan dialek Melayu yang dituturkan di sepanjang Sungai Krian. Beliau ingin melihat sama ada terdapat perubahan bunyi /-a/, /-y/, dan /-l/ yang wujud dalam dialek Melayu Saribas dan Rejang juga berlaku dalam dialek Melayu yang tinggal di sepanjang Sungai Krian atau sebaliknya. Hasil kajian mendapati ciri fonologi dialek Melayu Krian merupakan variasi Melayu Saribas, iaitu fonem /-a/ menjadi [-ɔ], /-y / menjadi [-ə], dan /-l/ menjadi [-a] atau [-y]. Hal ini berlainan daripada fonologi dialek Melayu Rejang yang mengalami pengejalan bunyi fonem /-a/ sebagai [-a] dan /-l/ sebagai [l]. Chong Shin banyak menumpuhkan kajian dialek Melayu di negeri Sarawak melalui penelitian dialek-dialek di Lembah Baram (Chong Shin, 2009).

Kajian ciri leksikal dialek Orang Asli juga menarik minat para sarjana tempatan. Kajian Mohd. Sharifudin Yusop (2011), membuktikan bahawa dialek Kanaq mempunyai keunikan tersendiri berdasarkan ciri leksikalnya. Kajian dilakukan dengan membandingkan dengan sebutan bahasa Melayu. Hasil kajian mendapati kosa kata dialek Kanaq lebih cenderung melanjutkan sebutan leksikal tertentu khususnya daripada dua suku kata ke tiga suku kata. Contohnya, kata leksikal seperti, [adip̃oʔ] (adik), [qaqayo] (kakak), [biniyaʔ] (bini/isteri), [lakiyaʔ] (laki/suami), dan [anaqaʔ] (budak). Dialek Kanaq juga menggunakan kata "nenek" tetapi tidak membawa maksud yang sama dengan bahasa Melayu, iaitu merujuk "ibu kepada ayah atau emak", sebaliknya bermaksud "gajah". Kajian Mohd. Sharifudin Yusop (2011),

membuka ruang kepada pengkaji tempatan untuk menerokai lanjut dialek Orang Asli di Semenanjung Malaysia untuk kelestarian bahasa itu.

Penerokaan kajian dialek sentiasa dimantapkan dengan penggunaan teknologi terkini. Kajian menggunakan kaedah teknologi aplikasi *Geographical Information System* (GIS) untuk meneliti suatu dialek telah membawa penemuan baru terhadap beberapa kata leksikal di Malaysia. Nor Hashimah Jalaluddin *et al.* (2016), telah meneliti semula variasi kata leksikal kata ganti nama diri dalam dialek Melayu di sepanjang pesisir Sungai Perak termasuk Perak Tengah, Hilir Perak, Hulu Perak dan daerah Kuala Kangsar. Kajian mendapati kata leksikal "saya" mempunyai variasi seperti [aku], [sajə], [kumɛ], [awɔʔ], [təman], dan [sajɔ]. Variasi leksikal "kamu" pula seperti [kamu], [han], [mikə], [awɔʔ], [awəʔ], dan [əŋkɔ]. Sementara leksikal "mereka" terdiri daripada varian [demə], [demɛ], [demɔ], [depa], [depə], dan [depɔ].

Daripada penemuan itu, Nor Hashimah Jalaluddin *et al.* (2016), mengesahkan bahawa variasi kata leksikal itu bukan sahaja disebabkan oleh faktor geografi bahkan disebabkan oleh faktor persempadanan, migrasi dan sejarah. Meskipun terdapat pengaruh dialek Kedah, iaitu varian leksikal [depa] yang membawa kepada pembentukan varian [depə] di Kuala Kangsar dan varian [depɔ] di Hulu Perak, namun pengaruh dialek Kedah tidak tersebar di Perak Tengah kerana halangan faktor muka bumi seperti bukit-bukau dan banjaran.

Kajian dialek keluarga Dusunik di negeri Sabah masih sangat terbatas. Penelitian awal bahasa Dusun telah dimulakan oleh Swettenham (1880), dengan membandingkannya dengan bahasa-bahasa peribumi yang mendiami Semenanjung, dan kepulauan Nusantara Timur. Kajian yang dikendalikan oleh *Straits Branch of the Royal Asiatic Society Collected* mengambil pendekatan etnologi dengan melibatkan batasan geografi, bilangan peribumi, persekitaran bangsa, ciri-ciri psikologi, dan adat resam tempatan. Sebanyak 115 senarai kata digunakan sebagai perbandingan antara bahasa. Senarai kata itu disusun mengikut kumpulan dan diterjemah ke dalam empat bahasa kontinental yang kebanyakannya bertutur dalam bahasa Melayu. Data-data leksikal bahasa Dusun ini dikutip oleh W.H. Treacher di kawasan sungai < Tampasuk > Tampasuk, Kota Belud. W.H. Treacher merumuskan bahawa, "*I believe there are various*

*dialects of Dusun, more distinct the more inland the tribes live"* (Swettenham, 1880:152).

Kajian perbandingan dialek-dialek keluarga Dusun yang lebih sistematis telah diusahakan oleh Clayre (1966). Beliau menggunakan material leksikal untuk meninjau dialek keluarga Dusun yang tinggal di kawasan pantai barat selatan (Penampang dan Tuaran), pantai timur (Labuk dan hulu Kinabatangan/Tongod), pantai barat utara (Bundu Tuhan, dan Ranau), bahagian utara (Semenanjung Bengkoka, dan Semenanjung Kudat), dan bahagian pedalaman selatan (Tambunan). Clayre (1966), mendapati bahawa terdapat perubahan bunyi yang biasa dan boleh diramal antara dialek. Fonem /v/ dan /z/ banyak tercatat dalam leksikal di kawasan Penampang, Semenanjung Kudat, Semenanjung Bengkoka, Labuk dan sekitar Tongod. Contohnya terdapat pada kata leksikal "dua" (*duvo*) dan "besar" (*agazo*). Kawasan seperti Bundu Tuhan, Ranau, Tambunan dan Tuaran, pula lebih memberatkan penggunaan fonem /w/ dan /y/, iaitu menyebut "dua" (*duwo*) dan "besar" (*agayo*).

Miller (1988), melanjutkan kajian Clayre (1966) dengan memfokuskan variasi fonem dalam kalangan penutur Dusun Tengah (dialek Bundu, Liwan, Lotud, dan Tindal) dengan penutur Kadazan Pesisir Pantai (subetnik Tangara). Miller (1988), mendapati bahawa terdapat perbezaan ketara dialek-dialek atau sub-subdialek antara Dusun Tengah dengan Kadazan Pesisir Pantai dari segi fonologi. Perbezaan fonologi dapat dilihat pada variasi antara fonem /y/ dan /z/ dalam perkataan *tagayo* dan *bambarayon* yang dituturkan oleh Dusun Tengah serta *tagazo* dan *bambaazon* yang diungkapkan oleh Kadazan Pesisir Pantai. Kedua-dua perkataan membawa maksud "besar" (*tagayo/tagazo*) dan "semangat padi" (*bambarayon/bambaazon*).

Pengguguran huruf dan penghilangan bunyi konsonan /r/ juga kerap berlaku dalam dialek Kadazan Pesisir Pantai. Misalnya dalam perkataan *bambaazon*, *paai* (padi), dan *Kinoingan* (Tuhan) berbanding *bambarayon*, *parai*, dan *Kinoroingan* dalam dialek Dusun Tengah. Miller (1988), dalam kajiannya turut menemui satu contoh variasi perbendaharaan kata, iaitu kata leksikal *takano* yang diungkapkan oleh penutur dialek Dusun Tengah dan *naig* oleh penutur Kadazan Pesisir Pantai. Kedua-dua kata leksikal tersebut adalah berbeza bentuk dan sebutan namun membawa maksud yang sama iaitu "nasi".

Seorang pengkaji bahasa tempatan, iaitu Henry Bating (2001), telah menganalisis perbezaan-perbezaan bunyi secara komprehensif antara dialek dalam buku *Komoiboros DusunKadazan* (Kamus DusunKadazan). Beliau telah mengetengahkan lima variasi fonem antara dialek utama (Rungus, Tatana, Lotud, Liwan, Bundu, Kuijau dan sebagainya) dengan dialek Tangara, iaitu dialek pertuturan di Penampang, Putatan, dan Papar. Henry Bating (2001) merumuskan variasi fonem, iaitu pertama penutur dialek utama mengucapkan fonem /r/ (*ralan, araat, ongor*) → /l/ (*lahan, alaas, onkol*) dalam dialek Tangara. Variasi kedua, penutur dialek utama mengucapkan fonem /r/ (*boros, nokuro, tumimporon*) → ∅ (*boos, nokuo, tumimpon*) dalam dialek Tangara. Variasi ketiga, dialek utama mengucapkan fonem /l/ (*lamin, palad, tuntul*) → /h/ (*hamin, pahad, tuntuh*) dalam dialek Tangara. Variasi keempat, apabila dialek utama mengucapkan fonem /w/ (*waig, bawang*), → /v/ (*vaig, bavang*) dalam dialek Tangara. Sementara variasi kelima, dialek utama mengucapkan fonem /y/ (*yiolo, ayamut*) → fonem /z/ (*zioho, azamut*) dalam dialek Tangara.

Kajian Clayre (1966), membuka lembaran baru dalam kajian ciri-ciri leksikal dialek Dusunik. Variasi fonem telah menyebabkan perbezaan bunyi dan sebutan sesuatu kata. Hal ini menyebabkan wujudnya saling ketidakfahaman suatu bahasa. Kajian Clayre (1966) mendapat pujian daripada Appell & Harrison (1968), kerana menjadi pengkaji yang pertama dalam menganalisis pelbagai isoglos Dusun secara sistematik. Walau bagaimanapun, Appell & Harrison (1968), masih melihat kelemahan serius dari segi pemaparan data yang sangat terbatas.

Kajian Miller (1988) dan Henry Bating (2001), memfokuskan perbandingan fonologi penutur keluarga Dusunik. Ketidakfahaman antara penutur Dusun Tengah dengan penutur Kadazan Pesisir Pantai terungkuai berdasarkan variasi fonem dalam leksikal. Perbezaan fonem dalam suatu kata akan menghasilkan pertukaran bunyi. Kelemahan kajian tersebut terlihat pada ketidakspesifikan istilah "Dusun Tengah" dan "Kadazan Pesisir Pantai". Selain itu, kajian ini juga tidak memberi penjelasan berkaitan metodologi yang digunakan.



## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan analisis deskriptif menurut perspektif kualitatif. Kajian kepustakaan dan lapangan digunakan untuk mendapatkan maklumat secara tepat dan mendalam berkaitan dengan kata leksikal dialek BL, TG, TT, MK, DS dan DR. Kajian kepustakaan dipilih untuk membuat rujukan secara kritikal dan sistematik terhadap dokumen-dokumen yang mengandungi maklumat, data, idea dan kaedah untuk memperoleh maklumat berkaitan dengan tajuk, permasalahan, objektif dan soalan kajian (Chua, 2006). Kata leksikal BL dan TG dikutip melalui analisis dokumen menggunakan kamus *Komoiboros Dusun Kadazan* oleh Mongulud Boros Dusun Kadazan (1994), *Kadazan Dictionary* oleh Kadazan Society Sabah (2011) dan *Kadazan-Dusun Malay-English Dictionary* oleh Kadazan Dusun Cultural Association (2015). Kata leksikal dialek TT, MK, DS dan DR diambil melalui kajian lapangan, iaitu TT di Kg. Menumpang, Kuala Penyu; MK di Kg. Sogo Sogo, Tongod; DS di Kg. Gana Jati, Telupid dan DR di Rumah Panjang Bavanggazo, Kudat.

Teknik temu bual bersemuka dengan responden dilakukan secara berkelompok di tempat yang telah ditentukan. Seramai 2 hingga 5 orang informan berusia antara 23 hingga 95 tahun yang juga penutur jati dialek tersebut telah ditemu bual bagi setiap dialek yang dipilih. Informan terdiri daripada lelaki namun penulis tidak menolak sumbangan informan wanita yang turut membantu menyumbang leksikal yang lebih jitu. Keadaan ini berlaku apabila informan yang dipilih terdiri daripada ketua kampung dan isterinya turut bersama-sama dengan suaminya. Mohammad Fadzeli, Norsimah dan Idris (2012), juga tidak menolak informan kaum perempuan kerana penulis menjangka akan mendapat lebih banyak kosa kata daripada kedua-dua jantina. Sejumlah 207 senarai kata Swadesh terjemahan bahasa Melayu telah digunakan sebagai instrumen kajian bagi mendapatkan data.

Maklumat temu bual dirakam secara audio visual menggunakan telefon pintar jenama *Samsung* bagi mengelakkan keciciran data utama. Foto statik responden dan sekitarnya juga direkodkan untuk kesahan maklumat. Menurut Zainal Abiddin (2011), rakaman foto dapat menonjolkan *body language* sasaran yang dikaji yang mungkin terabai oleh pemerhati kerana dianggap kurang

signifikan pada ketika itu. Selepas rakaman, audio itu didengar semula bagi memastikan rakaman itu dalam keadaan yang jelas dan kedengaran. Ini bersesuaian dengan pendapat Jasmin Badrudin, Mohammad Nur Latif dan Shahidi (2014), segala hasil rakaman itu menjadi data mentah yang sangat penting bagi proses pentranskripsian. Hasil rakaman kemudian ditranskripsi untuk meneliti sebutan dan perkataan.

## **DIALEKTOLOGI GENERATIF**

Setiap bahasa di dunia memiliki ciri-ciri kesejagatan tertentu. Kesejagatan bahasa itu mencakupi peringkat unit fungsional yang terkecil, iaitu fonem. Fonem adalah unit terkecil yang mampu menunjukkan kontras makna (Rahim Aman, 2007:60). Menurut Keraf (1984), meskipun fonem itu unit fungsional yang terkecil dan berbeza antara bahasa, namun suatu yang menarik adalah fungsinya yang dapat membezakan makna kata. Perubahan fonem dalam kata secara tidak langsung akan mengubah bunyi dan sebutan suatu kata. Perubahan bunyi dan sebutan membawa pentafsiran yang berbeza serta akan mempengaruhi darjah saling faham-memahami antara penutur dialek yang berasal dari satu bahasa yang sama.

Variasi fonem pada kata leksikal dialek keluarga Dusunik dianalisis menggunakan kaedah dialektologi generatif. Zaharani Ahmad (2006), mentafsir dialektologi generatif sebagai kajian tentang kepelbagaian dialek yang menerapkan kerangka teori transformasi generatif dalam analisisnya, khususnya teori fonologi generatif. Gagasan-gagasan utama dalam teori fonologi seperti bentuk dalaman, bentuk permukaan dan rumus-rumus fonologi diterapkan dalam kajian dialektologi generatif. Kaedah ini mempunyai kelebihan dalam menghuraikan perbezaan lebih daripada dua ragam bahasa. Hal ini dijelaskan oleh (Chambers & Trudgill, 1990), bahawa dialektologi generatif melibatkan penggunaan konsep khususnya fonologi generatif pada huraian dan perbandingan dialek-dialek yang berlainan.

Newton (1972) dalam Zaharani Ahmad (1993:4; 2006:5), percaya bahawa dialek-dialek itu berasal daripada satu bahasa sumber yang sama sehinggakan dipercayai bahawa dialek-dialek tersebut mempunyai bentuk dalaman yang sama. Francis (1983:150), mendakwa bahawa pernyataan itu terbit daripada beberapa andaian

dan hipotesis dialektologi tradisional, yaitu bahasa-bahasa dan dialek-dialek yang sekeluarga berasal daripada bahasa homogen yang terawal (bahasa proto). Selain itu, variasi fonologi dihasilkan secara mekanikal, perubahan bunyi berlaku secara sistematik dan memberi kesan kepada bunyi bahasa asal (bahasa proto). Justeru, Zaharani Ahmad (1993:4; 2006:5) menyimpulkan bahawa bahasa asal / bahasa sumber itu dapat dianggap sebagai representasi dalaman, manakala dialek-dialek turunannya itu dianggap sebagai representasi permukaan.

Penerapan teori dialektologi generatif dalam analisis perbandingan dialek ini membawa masalah dalam menentukan bahasa atau dialek yang bagaimana hendak dijadikan sebagai representasi dalaman. Petyt (1980) dan Chambers (1980) dalam Zaharani Ahmad (1993:5), memberi dua pilihan, iaitu sama ada memilih salah satu daripada dialek-dialek tersebut sebagai dasar atau menyediakan satu bentuk dalaman yang lebih abstrak yang tidak terdapat dalam mana-mana dialek turunan. Dalam makalah ini, penulis akan menggunakan dialek BL sebagai bahasa sumber untuk representasi dalaman sementara TG, TT, DS, MK dan DR sebagai representasi permukaan atas dua daripada empat faktor yang dicadangkan oleh Zaharani Ahmad (1993; 2006). Dua faktor yang dicadangkan oleh Zaharani Ahmad (1993; 2006) itu ialah penambahan dan penghilangan rumus.

## **PENAMBAHAN RUMUS**

Penambahan rumus berlaku apabila bunyi berubah dan melibatkan satu inovasi. Semakin banyak rumus baru tercipta, maka semakin jauhlah penyimpangan berlaku dan akibatnya darjah saling faham-memahami makin menurun. Dialek-dialek yang asalnya saling difahami itu mungkin akan terpisah menjadi suatu bahasa tersendiri. Rumus-rumus fonologi boleh berlaku melalui proses perubahan, penyisipan, dan pengguguran segmen seperti yang lazim terdapat dalam proses fonologi. Berdasarkan data kata leksikal dialek BL, TG, TT, DS, MK dan DR, ditemukan 7 pasangan variasi fonem konsonan, iaitu fonem /l/ dan fonem /h/, fonem /r/ dan fonem /l/, fonem /l/ dan fonem /d/, fonem /h/ dan fonem /s/, fonem /w/ dan fonem /v/, fonem /y/ dan fonem /z/ dan /ʔ/ dan fonem /k/. Variasi ini tersebar di

awal kata, suku kata kedua, suku kata ketiga, suku kata akhir dan akhir kata.

Jadual 1, 2, dan 3 merupakan pertambahan rumus bagi variasi fonem /l/ dan /h/ di posisi kata berbeza. Jadual 1 menunjukkan rumus ini bermaksud bunyi lateral /l/ dalam BL akan menjadi bunyi frikatif tak bersuara /h/ dalam TG untuk sebutan kata leksikal /lisun/, /lunɔk/, /lɔŋɔŋ/ dan /likud/. Sementara itu, bunyi lateral /l/ dalam BL akan menjadi bunyi frikatif tak bersuara /h/ dalam DR hanya untuk sebutan /lɔŋɔŋ/. Walau bagaimanapun, rumus ini tidak beroperasi dalam dialek TT, DS, MK dan beberapa kata dalam DR. Penambahan rumus itu berlaku apabila diikuti oleh vokal /i/, /o/ dan /u/. Data jadual 1 menunjukkan perubahan itu berlaku di awal kata.

**Jadual 1: Fonem /l-/ → /h-/ di awal kata**

Bahasa / Dialek						
BM	BL	TG	TT	DR	DS	MK
asap	<i>lisun</i>	<i>hisun</i>	<i>lisun</i>	<i>lisun</i>	<i>lisun</i>	<i>lidsun</i>
lemak	<i>lunɔk</i>	<i>hunɔk</i>	<i>lunɔk</i>	<i>lunɔk</i>	<i>lɔmɔk</i>	<i>lunɔk</i>
tangan	<i>lɔŋɔŋ</i>	<i>hɔŋɔŋ</i>	<i>lɔŋɔŋ</i>	<i>hɔŋɔŋ</i>	<i>lɔŋɔŋ</i>	<i>dɔŋɔŋ</i>
belakang	<i>likud</i>	<i>hikud</i>	<i>likud</i>	<i>likud</i>	<i>likud</i>	<i>likud</i>

Jadual 2 memaparkan perubahan itu berlaku di suku kata kedua, iaitu bunyi lateral /l/ dalam BL akan menjadi bunyi frikatif tak bersuara /h/ dalam TG untuk sebutan kata leksikal /dalan, ralan/, /kulit/, /tulan/, /tulu/, /tɔliŋɔ/, /dilaʔ/, /tulud/, /tilɔb/, /ala:b/, /alasuʔ/, dan /tɔlu/. Rumus ini tidak beroperasi dalam dialek TT, DS, MK dan DR. Dialek DS memiliki kata leksikal berbeza untuk 'muntah'. Sementara MK mempunyai kata leksikal berbeza untuk 'kulit' dan 'lebar', iaitu suatu kata yang berkontras dengan bahasa sumber. Penambahan rumus itu berlaku apabila diikuti oleh vokal /a/, /i/, /o/ dan /u/.

**Jadual 2: Fonem /-l/ → /-h/ di Suku Kata Kedua**

Bahasa / Dialek						
BM	BL	TG	TT	DR	DS	MK
jalan	<i>dalan, ralan</i>	<i>lahan</i>	<i>dalan</i>	<i>alan</i>	<i>dalan</i>	<i>dalan</i>

kulit	<i>kulit</i>	<i>kuhit</i>	<i>kulit</i>	<i>kulit</i>	<i>kulit</i>	<i>kun̄k̄uŋ</i>
tulang	<i>tulaŋ</i>	<i>tuh̄aŋ</i>	<i>tulaŋ</i>	<i>tulaŋ</i>	<i>tulaŋ</i>	<i>tulaŋ</i>
kepala	<i>tulu</i>	<i>tuhu</i>	<i>ulu</i>	<i>ulu</i>	<i>ulu</i>	<i>tudlu</i>
telinga	<i>t̄oŋiŋ</i>	<i>t̄ōhiŋ</i>	<i>taliŋ</i>	<i>t̄oŋiŋ</i>	<i>t̄oŋiŋ</i>	<i>t̄oŋiŋ</i>
lidah	<i>dila?</i>	<i>diha?</i>	<i>dila?</i>	<i>dila?</i>	<i>dila?</i>	<i>didla?</i>
terbang	<i>tulud</i>	<i>tuhud</i>	<i>tulud</i>	<i>tulud</i>	<i>tulud</i>	<i>tulud</i>
muntah	<i>til̄b</i>	<i>tih̄b</i>	<i>il̄b</i>	<i>il̄b</i>	<i>lumua?</i>	<i>il̄b</i>
lebar	<i>ala:b</i>	<i>aha:b</i>	<i>mala:b</i>	<i>ala:b</i>	<i>ala:b</i>	<i>ba:va?</i>
panas	<i>alasu?</i>	<i>ahasu?</i>	<i>malasu?</i>	<i>alasu?</i>	<i>alasu?</i>	<i>aladsu?</i>
tiga	<i>t̄olu</i>	<i>t̄ohu</i>	<i>tal̄u</i>	<i>t̄olu</i>	<i>t̄olu</i>	<i>t̄odlu</i>

Jadual 3 memperlihatkan perubahan itu berlaku di suku kata ketiga, iaitu bunyi lateral /l/ dalam BL akan menjadi bunyi frikatif tak bersuara /h/ dalam TG untuk sebutan kata leksikal /t̄oŋgiluaŋ/, /t̄ont̄olu?/ dan /k̄oil̄/. Rumus ini tidak berlaku dalam dialek TT, DS, MK dan DR, malah MK mempunyai kata leksikal sendiri untuk 'cacing'. Dialek TT mempunyai kata leksikal berbeza untuk 'tahu', iaitu suatu kata yang berkontras dengan bahasa sumber. Penambahan rumus itu berlaku apabila diikuti oleh vokal /o/ dan /u/.

**Jadual 3: Fonem /-l/ → /-h/ di Suku Kata Ketiga**

Bahasa / Dialek						
BM	BL	TG	TT	DR	DS	MK
cacing	<i>t̄oŋgiluaŋ</i>	<i>t̄oŋgihuaŋ</i>	<i>linguaŋ</i>	<i>linguaŋ</i>	<i>linguaŋ</i>	<i>tingoro:k</i>
telur	<i>t̄ont̄olu?</i>	<i>t̄ont̄ohu?</i>	<i>antalu?</i>	<i>ɔnt̄olu?</i>	<i>int̄olu?</i>	<i>t̄ont̄olu?</i>
tahu	<i>k̄oil̄</i>	<i>k̄oih̄</i>	<i>mapandai</i>	<i>il̄b</i>	<i>k̄oil̄</i>	<i>koild̄</i>

Jadual 4 merupakan pertambahan rumus bagi variasi fonem /r/ dan /l/ serta variasi fonem /r/ dan /d/ di awal kata. Rumus ini bermakna bunyi flap alveolar bersuara /r/ dalam BL akan menjadi bunyi lateral /l/ dalam TG untuk sebutan kata leksikal /r̄oŋ/, /rasam, darun/ dan /ralan/. Rumus bunyi getaran /r/ dalam BL akan menjadi bunyi lateral /l/ dalam TG tidak beroperasi dalam TT, DR, DS dan MK untuk ketiga-tiga kata leksikal itu. Unikinya, DS dan MK memiliki kata leksikal yang berbeza untuk 'daun'. Sementara, bunyi getaran /r/ dalam BL akan menjadi bunyi plosif alveolar bersuara /d/ dalam TT,

DR, DS dan MK untuk sebutan kata leksikal /rasam, darun/ dan /ralan/. Rumus ini tidak berlaku dalam dialek TG. Penambahan rumus itu berlaku apabila diikuti oleh vokal /a/ dan /o/.

**Jadual 4: Fonem /r-/ → /l-/ di Awal Kata**

Bahasa / Dialek						
BM	BL	TG	TT	DR	DS	MK
daun	<i>rɔun</i> <i>rasam,</i>	<i>lɔun</i>	<i>daun</i>	<i>rɔun</i>	<i>untu?</i>	<i>sa:p</i>
hujan	<i>darun</i>	<i>lasam</i>	<i>dasam</i>	<i>darun</i>	<i>darun</i>	<i>darun</i>
jalan	<i>ralan</i>	<i>lahan</i>	<i>dalan</i>	<i>alan</i>	<i>dalan</i>	<i>dalan</i>

Penambahan rumus seterusnya dapat dilihat pada jadual 5 dan 6, iaitu variasi fonem konsonan /h/ dan /s/ serta variasi /s/ dan /h/ terletak di awal kata. Jadual 5 menunjukkan rumus bunyi frikatif pita suara tak bersuara /h/ dalam BL akan menjadi bunyi frikatif alveolar tak bersuara /s/ dalam DR, DS dan MK untuk sebutan kata /hɔmbɔ/. Rumus ini tidak berlaku dalam TG dan TT. Sementara jadual 6 pula memaparkan rumus penyongsangan bunyi frikatif alveolar tak bersuara /s/ dalam BL akan menjadi bunyi frikatif pita suara tak bersuara /h/ dalam DR untuk sebutan kata /sɔugi/ dan TG untuk /sɔndulu/. Rumus ini tidak berlaku dalam TT, DS dan MK. Penambahan rumus itu berlaku apabila diikuti oleh vokal /o/ sahaja.

**Jadual 5: Fonem /h-/ → /s-/ di Awal Kata**

Bahasa / Dialek						
BM	BL	TG	TT	DR	DS	MK
di mana	<i>hɔmbɔ</i>	<i>nɔmbɔ</i>	<i>ɔmbɔ</i>	<i>sɔmbɔ</i>	<i>sɔmbɔ</i>	<i>sɔmbɔ</i>

**Jadual 6: Fonem /s-/ → /h-/ di Awal Kata**

Bahasa / Dialek						
BM	BL	TG	TT	DR	DS	MK
tiup	<i>sɔugi</i>	<i>sɔvugi</i>	<i>sampui</i>	<i>hɔugi</i>	<i>tɔmpuai</i>	<i>tɔmpiu</i>
kuku	<i>sɔndulu</i>	<i>hindusu</i>	<i>sandilu</i>	<i>sɔndulu</i>	<i>pasu?</i>	<i>sɔndulu</i>

Penambahan rumus variasi fonem konsonan /w/ dan /v/ yang terletak di awal kata dan suku kata kedua dapat dilihat dalam jadual 7 dan 8. Jadual 7 menunjukkan rumus bunyi bilabial bersuara /w/ dalam BL akan menjadi bunyi geseran dental bersuara /v-/ dalam TG dan DR untuk sebutan kata /waig/, /watu/, /wagu/ dan /wanan/. Rumus itu terpakai dalam MK untuk sebutan kata /waig/ dan /batu/ sahaja. Jadual 8 pula memperlihatkan rumus yang sama namun berlaku di suku kata kedua. Rumus bunyi bilabial bersuara /w/ dalam BL akan menjadi bunyi geseran dental bersuara /v-/ dalam TG untuk kata leksikal /sawɔ/, /bawanɟ/, /hawun/, /tawan/, /tawu/, /liwi/, /awagat/, /ɔwutɔŋ/ dan /duwɔ/. Rumus ini juga berlaku dalam DR kecuali untuk kata leksikal 'sayap', 'lawan' dan 'baring'. MK pula berlaku dalam sebutan kata /sawɔ/, /hawun/, /tawan/, /tawu/, /kawɔ/, /awagat/ dan /duwɔ/.

**Jadual 7: Fonem /w-/ → Fonem /v-/ di Awal Kata**

Bahasa / Dialek						
BM	BL	TG	TT	DR	DS	MK
air	<i>waig</i>	<i>vaig</i>	<i>timug</i>	<i>vaig</i>	<i>waig</i>	<i>vaig</i>
batu	<i>watu</i>	<i>vatu</i>	<i>batu</i>	<i>vatu</i>	<i>watu</i>	<i>vatu</i>
baru	<i>wagu</i>	<i>vagu</i>	<i>bagu</i>	<i>vagu</i>	<i>awagu</i>	<i>kavagu</i>
kanan	<i>wanan</i>	<i>vanan</i>	<i>idis</i>	<i>vanan</i>	<i>wanan</i>	<i>wanan</i>

**Jadual 8: Fonem /-w/ → /-v/ di Suku Kata Kedua**

Bahasa / Dialek						
BM	BL	TG	TT	DR	DS	MK
suami	<i>sawɔ</i>	<i>savɔ</i>	<i>kusoi</i>	<i>savɔ</i>	<i>sawɔ</i>	<i>savɔ</i>
sungai	<i>bawanɟ</i>	<i>bavanɟ</i>	<i>bawanɟ</i>	<i>bavanɟ</i>	<i>ɔluŋ-ɔluŋ</i>	<i>tuhunɔn</i>
tasik	<i>liwɔtuŋ</i>	<i>bɔtuŋ</i>	<i>luɔb</i>	<i>livɔtuŋ</i>	<i>liwɔtuŋ</i>	<i>lɔkɔs</i>
awan	<i>hawun</i>	<i>gavun</i>	<i>kawanan</i>	<i>avan</i>	<i>awan</i>	<i>tavan</i>
kabus	<i>hawun</i>	<i>sinɔgub</i>	<i>ambun</i>	<i>havun</i>	<i>ambun</i>	<i>kavut</i>
langit	<i>tawan</i>	<i>tavan</i>	<i>kawanan</i>	<i>avan</i>	<i>awan</i>	<i>tavan</i>
abu	<i>tawu</i>	<i>tavu</i>	<i>abu</i>	<i>avu</i>	<i>tawu</i>	<i>tavu</i>
sayap	<i>kawɔ</i>	<i>pahapa?</i>	<i>alad</i>	<i>alad</i>	<i>kawɔ</i>	<i>kavɔ?</i>
lawan	<i>suma:p</i>	<i>havan</i>	<i>lumawan</i>	<i>miɔdu</i> <i>mɔɔɔp-</i>	<i>lawan</i>	<i>miɔdu</i> <i>mɔɔɔp-</i>
baring	<i>liwi</i>	<i>huvi</i>	<i>lumui</i>	<i>ɔɔɔp</i>	<i>kili?</i>	<i>ɔɔɔp</i>

berat	<i>awagat</i>	<i>avagat</i>	<i>ma:gat</i>	<i>avagat</i>	<i>awagat</i>	<i>avagat</i>
busuk	<i>ɔwutɔŋ</i>	<i>ɔvutɔŋ</i>	<i>mutɔŋ</i>	<i>ɔvutɔŋ</i>	<i>mɔutɔŋ</i>	<i>vutɔŋ</i>
dua	<i>duwɔ</i>	<i>duvɔ</i>	<i>duwɔ</i>	<i>duvɔ</i>	<i>duwɔ</i>	<i>duvɔ</i>

Penambahan rumus berlaku untuk variasi fonem /y/ dan /z/ yang terletak di suku kata kedua, suku kata ketiga dan suku kata akhir. Jadual 9 menunjukkan rumus bunyi palatal bersuara /y/ dalam BL akan menjadi bunyi geseran alveolar bersuara /z/ dalam TG dan DR untuk sebutan kata /gayat/ dan /ɔyɔpɔs/ di suku kata kedua. Rumus ini beroperasi masing-masing dalam TG untuk sebutan kata /ayamut/ dan DR untuk /kayu/. Perkara sama juga berlaku dalam DS dan MK untuk sebutan kata /ɔyɔpɔs/ namun tidak berlaku langsung dalam TT. Penambahan rumus ini juga berlaku di suku kata ketiga dan akhir seperti dalam jadual 10. Bunyi palatal bersuara /y/ dalam BL akan menjadi bunyi geseran alveolar bersuara /z/ dalam TG, TT, DR, DS dan MK untuk sebutan kata /agayɔ/. Sementara sebutan kata /patayɔʔ/ hanya berlaku dalam TG, TT, DR dan DS. Penambahan rumus untuk variasi fonem /y/ dan /z/ di suku kata akhir beroperasi dalam TG, DR dan MK untuk sebutan kata /tanɰkayau/. Walau bagaimanapun, posisi perubahan fonem /z/ itu tidak sama dengan bahasa sumber (BL) yang terletak di suku kata ketiga.

**Jadual 9: Fonem /-y/ → /-z/ di Suku Kata Kedua**

Bahasa / Dialek						
BM	BL	TG	TT	DR	DS	MK
pokok	<i>kayu</i>	<i>pu:n</i>	<i>tataun</i>	<i>kazu</i>	<i>pu:n</i>	<i>pu:n</i>
tarik	<i>gayat</i>	<i>gazat</i>	<i>kɔdɔŋ</i> <i>majabu</i>	<i>gazat</i>	<i>kɔdɔŋ</i>	<i>kɔdɔŋ</i>
kotor	<i>ayamut</i>	<i>azamut</i>	<i>t</i>	<i>asakau</i>	<i>sabul</i>	<i>saim</i>
basah	<i>ɔyɔpɔs</i>	<i>ɔzɔpɔs</i>	<i>masaʔ</i>	<i>ɔzɔpɔs</i>	<i>ɔyɔpɔs</i>	<i>ɔyɔpɔs</i>

**Jadual 10: Fonem /-y/ → /-z/ di Suku Kata Ketiga dan Suku Kata Akhir**

Bahasa / Dialek						
BM	BL	TG	TT	DR	DS	MK
hati	<i>tanɰkayau</i>	<i>tɰŋkɔvizau</i>	<i>aŋkayau</i>	<i>ɰŋkɔvizau</i>	<i>atɔi</i>	<i>tɰŋkɔvizau</i>



mengalir	<i>lumuyun</i>	<i>humuzun</i>	<i>sinɔɔg</i>	<i>rumulun</i>	<i>tumi:s</i>	<i>lumuzun</i>
bunuh	<i>patayɔʔ</i>	<i>patazɔʔ</i>	<i>patayɔʔ</i>	<i>patayɔʔ</i>	<i>patayɔʔ</i>	<i>tɔɔk</i>
besar	<i>agayɔ</i>	<i>agazɔ</i>	<i>magayɔ</i>	<i>agazɔ</i>	<i>agayɔ</i>	<i>agazɔ</i>

Jadual 11 menunjukkan variasi fonem konsonan /ʔ/ dan /k/ yang terletak di akhir kata. Bahasa Dusunik mempunyai sebutan /ʔ/ di hujung kata, iaitu bunyi yang sering kali kedengaran bukan sahaja dalam kalangan penutur dialek keluarga Dusunik bahkan juga penutur etnik Kadazandusun. Chong (2009), mengakui bahawa sebutan /ʔ/ itu amat biasa didengar di Borneo dan fonem ini hanya wujud di akhir kata sahaja. Rumus ini bermakna bunyi plosif glotal tak bersuara /ʔ/ dalam BL akan menjadi bunyi plosif velar tak bersuara /k/ dalam DR, DS dan MK untuk sebutan kata /ɔkɔɔʔ/, /ɔnibaʔ/. Rumus ini tidak berlaku dalam TG dan TT.

**Jadual 11: Fonem /ʔ/ → /k/ di Akhir Kata**

Bahasa / Dialek						
BM	BL	TG	TT	DR	DS	MK
kecil	<i>ɔkɔɔʔ</i>	<i>ɔniniʔ</i>	<i>mɔniniʔ</i>	<i>ɔkɔɔk</i>	<i>ɔkɔɔk</i>	<i>ɔkɔɔk</i>
pendek	<i>ɔnibaʔ</i>	<i>ɔnibɔʔ</i>	<i>mɔdibɔʔ</i>	<i>ɔnibak</i>	<i>ɔdibak</i>	<i>ɔnibak</i>

Penambahan rumus terakhir dapat dilihat dalam jadual 12, iaitu variasi fonem konsonan /l/ dan /d/ di awal kata. Rumus ini bermaksud bunyi lateral /l/ dalam BL akan menjadi bunyi plosif alveolar bersuara /d/ dalam MK untuk sebutan kata /liɔu/ dan /lɔɔhɔɔ/. Rumus ini tidak berlaku dalam TG, TT, DR dan DS. Unikunya, TG mempunyai kata leksikal khusus untuk 'leher'.

**Jadual 12: Fonem /l-/ → /d-/ di Awal Kata**

Bahasa / Dialek						
BM	BL	TG	TT	DR	DS	MK
		<i>tatahana</i>				
leher	<i>liɔu</i>	<i>n</i>	<i>liɔg</i>	<i>liɔu</i> <i>hɔɔh</i>	<i>liɔu</i>	<i>diɔu</i>
tangan	<i>lɔɔhɔɔ</i>	<i>hɔɔh</i>	<i>lɔɔhɔɔ</i>	<i>n</i>	<i>lɔɔhɔɔ</i>	<i>dɔɔhɔɔ</i>

## PENGHILANGAN RUMUS

Kepelbagaian dialek yang tergambar dalam keluarga Dusunik juga dapat diinterpretasikan sebagai akibat daripada penghilangan rumus yang terdapat dalam nahu dialek-dialek itu. Proses penghilangan rumus pula melibatkan rumus yang pada awalnya wujud dalam bahasa asal, tetapi tidak lagi dikekalkan dalam dialek turunannya. Kaedah perbandingan sinkronis akan digunakan bagi menentukan rumus asal dalam bahasa sumber. Menurut King (1969) dalam Zaharani (2006:6), apabila rumus itu dijelaskan dalam kebanyakan dialek turunan, maka rumus itu dapat dianggap sebagai rumus asal yang wujud dalam bahasa sumber. Makalah ini memaparkan 5 variasi pengguguran fonem konsonan dalam dialek turunan, iaitu pengguguran fonem /t/, /h/, /r/, /l/ dan /y/. Pengguguran yang ditandai dengan simbol  $\emptyset$  ini tersebar di awal kata, tengah kata dan akhir kata.

Jadual 13 memaparkan pengguguran fonem /t/ di awal kata. Rumus ini bermakna bunyi plosif alveolar tak bersuara /t/ dalam BL akan menjadi  $\emptyset$  dalam TT, DR dan DS untuk sebutan kata /t $\emptyset$ ndu $\emptyset$ /, /tulun/, /tanak/, /tina $\emptyset$ /, /tama $\emptyset$ /, /tasu/, /tusi $\emptyset$ /, /t $\emptyset$ gis/, /tapui/, /t $\emptyset$ t $\emptyset$ lu $\emptyset$ /, /tikiu/, /t $\emptyset$ buk/, /tulu/, /t $\emptyset$ du $\emptyset$ /, /t $\emptyset$ tud/ dan /tundu-undu/. Dialek TG banyak mengekalkan fonem /t/ seperti bahasa sumber kecuali untuk kata 'telur'. Fonem /t/ juga dikekalkan oleh dialek MK untuk kata 'perempuan', 'anak', 'anjing', 'api', 'ekor', 'rambut', 'kepala', 'hidung', dan 'lutut'. Penghilangan rumus itu berlaku apabila diikuti oleh vokal /a/, /i/, /o/, /u/.

**Jadual 13: Fonem /t-/ →  $\emptyset$  di Awal Kata**

Bahasa / Dialek						
BM	BL	TG	TT	DR	DS	MK
perempuan	t $\emptyset$ ndu $\emptyset$	t $\emptyset$ ndu $\emptyset$	andu $\emptyset$	ɔndu $\emptyset$	ɔndu $\emptyset$	t $\emptyset$ ŋɔ:ndu $\emptyset$
orang	tulun	tuhun	ulun	ulun	ulun	tunsɔpiɔ
anak	tanak	tanak	anak	anak	anak	tanak
ibu	tina $\emptyset$	tina $\emptyset$	ina $\emptyset$	idi $\emptyset$ , ina $\emptyset$	inɔ $\emptyset$	inɔ $\emptyset$
bapa	tama $\emptyset$	tama $\emptyset$	ama $\emptyset$	ama $\emptyset$	amɔ $\emptyset$	yamo'
anjing	tasu	tasu	asu	asu	asu	tasu
garam	tusi $\emptyset$	tusi $\emptyset$	usi $\emptyset$	asin	asin	tasin

pasir	<i>tɔgis</i>	<i>tɔgis</i>	<i>agis</i>	<i>ɔgis</i>	<i>pantai</i>	<i>pantai</i>
api	<i>tapui</i>	<i>tapui</i>	<i>apui</i>	<i>apui</i>	<i>tapui</i>	<i>tapui</i>
telur	<i>tɔntɔluʔ</i>	<i>ɔntɔhuʔ</i>	<i>antaluʔ</i>	<i>ɔntɔluʔ</i>	<i>intɔluʔ</i>	<i>ɔntɔluʔ</i>
ekor	<i>tikiu</i>	<i>tikiu</i>	<i>ikiu</i>	<i>iku</i>	<i>ikuʔ</i>	<i>tikou</i>
rambut	<i>tɔbuk</i>	<i>tɔbuk</i>	<i>abuk</i>	<i>ɔbuk</i>	<i>ɔbuk</i>	<i>tɔbuk</i>
kepala	<i>tulu</i>	<i>tuhu</i>	<i>ulun</i>	<i>ulun</i>	<i>ulu</i>	<i>tudlu</i>
hidung	<i>tɔduŋ</i>	<i>tɔduŋ</i>	<i>aduŋ</i>	<i>ɔduŋ</i>	<i>ɔnduŋ</i>	<i>tɔduŋ</i>
lutut	<i>tɔtud</i>	<i>tɔtud</i>	<i>atud</i>	<i>ɔtud</i>	<i>ɔtud</i>	<i>tɔtud</i>
jantung	<i>tundu- undu</i>	<i>tundu- undu</i>	<i>undu- undu</i>	<i>undu- undu</i>	<i>jantuŋ</i>	<i>tundu- undu</i>

Bahasa Kadazandusun dan Dusunik khasnya mempunyai vokal panjang dalam suatu kata seperti /aa/, /ii/, /oo/ dan /uu/ (KDCA, 2015). Vokal panjang memainkan peranan penting dalam tatabahasa Dusunik. Pengguguran salah satu vokal mampu mengubah makna kata. Jadual 14 memperlihatkan pengguguran fonem /h/ di antara vokal panjang /aa/ dan /ii/ di tengah kata. Penghilangan rumus ini bermakna bunyi frikatif tak bersuara /h/ dalam BL akan menjadi  $\emptyset$  dalam DS untuk sebutan kata /rahat/, /rahaʔ/, /tahak/ dan /pihid/. Fonem /h/ yang digugurkan dalam dialek MK pula ialah /rahaʔ/, /tahak/ dan /pihid/. Sementara TG dan TT masing-masing menggugurkan fonem /h/ untuk sebutan kata /tahak/ dan /pihid/ sahaja. Pengguguran /h/ tidak beroperasi dalam dialek DR.

**Jadual 14: Fonem /-h/ → $\emptyset$  di Antara Vokal Panjang /aa/ dan /ii/ di Tengah Kata**

<b>Bahasa / Dialek</b>						
<b>BM</b>	<b>BL</b>	<b>TG</b>	<b>TT</b>	<b>DR</b>	<b>DS</b>	<b>MK</b>
laut	<i>rahat</i>	<i>da:t</i>	<i>laut</i>	<i>rahat</i>	<i>ra:t</i>	<i>laut</i>
darah	<i>rahaʔ</i>	<i>zaa'</i>	<i>daa'</i>	<i>raha'</i>	<i>ra:ʔ</i>	<i>ra:ʔ</i>
beri	<i>tahak</i>	<i>ta:k</i>	<i>ta:ki</i>	<i>tahak</i>	<i>ta:k</i>	<i>ta:k</i>
lap	<i>pihid</i>	<i>pi:d</i>	<i>pi:d</i>	<i>pihid</i>	<i>pi:d</i>	<i>pi:d</i>

Jadual 15 menunjukkan penghilangan rumus bahasa sumber apabila fonem /r/ digugurkan di antara vokal panjang /aa/, /ii/ dan

/oo/ di tengah kata. Penghilangan rumus ini bermaksud bunyi flap alveolar bersuara /r/ dalam BL akan menjadi Ø dalam TG untuk sebutan kata /sɔɾɔu/, /mirikau/, /aratuʔ/, /bɔɾɔs/, /ɔɾɔsian/, /aragan/ dan /kɔɾɔŋɔu/. Pengguguran fonem /r/ juga berlaku dalam MK untuk kata 'dengar'. Pengguguran /r/ tidak berlaku dalam dialek TT, DR dan DS.

**Jadual 15: Fonem /-r/ → Ø di Antara Vokal Panjang /aa/, /ii/ dan /oo/ di Tengah Kata**

Bahasa / Dialek						
BM	BL	TG	TT	DR	DS	MK
fikir	sɔɾɔu	sɔ:u	mɔgɪnɔndɔm	mikir	fikir	sɔɾɔmɔ
duduk	mirikau	mi:kau	tudun	mɔɾɔm	mɔɾɔm	mɔɾɔm
jatuh	aratuʔ	a:tuʔ	maratuʔ	aratuʔ	aratuʔ	aratuʔ
kata, cakap	bɔɾɔs	bɔ:s	giaʔ	bɔɾɔs	tanar	tanar
takut akan	ɔɾɔsian	ɔ:sizan	luma:ʔ	rumɔsi	mɔsi	rumɔsi
merah	aragan	a:agan	mɔria	aragan	ɔmian	aragan
dengar	kɔɾɔŋɔu	kɔ:ŋɔu	kɪɾɔŋɔ	iniŋ	kɔɾɔŋɔu	kɔ:ŋɔu

Jadual 16 memaparkan pengguguran fonem /r/ yang berlaku di akhir kata. Ini bermaksud bunyi flap alveolar bersuara /r/ dalam BL akan menjadi Ø dalam TG untuk sebutan kata /tɔmbi/. Pengguguran /r/ tidak berlaku dalam dialek TT, DR dan DS dan MK.

**Jadual 16: Fonem /r/ → Ø di Akhir Kata**

Bahasa / Dialek						
BM	BL	TG	TT	DR	DS	MK
jahit	tɔmbir	tɔmbi	tambir	tɔmbil	ilit	tɔmbir

Pengguguran fonem /l/ juga berlaku di akhir kata untuk dialek turunan seperti dalam jadual 17. Rumus ini bermaksud bunyi lateral /l/ dalam BL akan menjadi Ø dalam TG untuk sebutan kata /putul/. Pengguguran /l/ tidak berlaku dalam dialek TT, DR dan DS dan MK.

**Jadual 17: Fonem /l/ → ∅ di Akhir Kata**

Bahasa / Dialek						
BM	BL	TG	TT	DR	DS	MK
potong	<i>putul</i>	<i>putu</i>	<i>putul</i>	<i>pɔmpɔd</i>	<i>putut</i>	<i>putul</i>

Dialek turunan dalam keluarga Dusunik yang menggugurkan fonem /-y/ di antara vokal panjang /uu/ ialah MK. Rumus ini bererti bunyi palatal bersuara /y/ dalam BL akan menjadi ∅ dalam MK untuk sebutan kata /kuyut/. DS masih mengekalkan fonem /y/ di tengah vokal panjang sama seperti bahasa sumber. TG, TT dan DR pula masing-masing memiliki kata leksikal untuk 'pegang' seperti dalam jadual 18 di bawah.

**Jadual 18: Fonem /-y/ → ∅ di Antara Vokal Panjang /uu/ di Tengah Kata**

Bahasa / Dialek						
BM	BL	TG	TT	DR	DS	MK
pegang	<i>igit,</i> <i>kuyut</i>	<i>igit</i>	<i>kɔndɔi</i>	<i>avid</i>	<i>kuyut</i>	<i>ku:t</i>

## KESIMPULAN

Keenam-enam dialek dalam keluarga Dusunik mempamerkan kepelbagaian ciri leksikal. Teori fonologi generatif di bawah cakupan dialektologi generatif dapat menjelaskan kepelbagaian dialek itu melalui sudut penambahan dan penghilangan rumus. Penggunaan dialek BL sebagai bahasa sumber dapat menjadi representasi dalaman kepada dialek-dialek turunan seperti TG, TT, DR, DS dan MK yang menjadi representasi permukaan. Pemilihan BL sebagai bentuk dalaman adalah berlandaskan kepada prinsip-prinsip yang disyaratkan dalam analisis fonologi generatif, iaitu dialek itu haruslah tersebar luas, ekonomi dan mudah dari segi bilangan dan bentuk peraturan yang diperlukan dalam menghasilkan semua bentuk dialek (Petyt, 1980) dalam Zaharani Ahmad (1993).

Isu ketidakfahaman yang wujud antara rangkaian dialek keluarga Dusunik berlaku kerana adanya variasi bunyi dan sebutan

pada beberapa kata leksikal kelompok dialek. Terdapat 7 pasangan variasi fonem konsonan telah diperoleh melalui analisis data kata leksikal. Pasangan itu melibatkan bentuk dalaman dan satu lagi melibatkan bentuk permukaan. Pengguguran fonem konsonan yang ditemui dalam analisis ini pula adalah sebanyak 5 fonem. Fonem sedia ada dalam bentuk dalaman dapat berubah melalui rumus pengguguran. Perubahan dan pengguguran telah mempengaruhi bunyi kata sebutan asal. Hal ini menyebabkan perbezaan suatu dialek. Akibatnya darjah saling faham makin menurun dan kemungkinan dialek-dialek itu akan terpisah menjadi suatu bahasa sendiri.

## RUJUKAN

- Appell, G.N. dan Harrison, R. (1968). Ethnographic Profiles of the Dusun-speaking Peoples of Sabah, Malaysia. *Journal of Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*. 41 (2), 131-147. Kuala Lumpur: MBRAS.
- Asmah Omar. (1985). *Susur Galur Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Chambers, J.K. & Trudgill, P. (1990). *Dialektologi*. Annuar Ayub (penterj.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Chong Shin. (2002). Dialek Melayu di Lembah Sungai Krian: Variasi Melayu Saribas atau Rejang?. *Institut Alam dan Tamadun Melayu UKM*. 63-77.
- Chong Shin. (2009). Dialek-dialek Melayu di Lembah Baram. *International Journal of the Malay World and Civilisation*. 27(2), 59-71.
- Chua, Y. P. (2006). *Kaedah Penyelidikan*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill.
- Clayre, B. M. (1966). A Comparison of Some Dialects of Dusun. *Sabah Society Journal*. 3(1), 3-12.
- Collins, J. T. (1983). *Dialek Ulu Terengganu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Collins, J. T. (1986). *Antologi Kajian Dialek Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dayu Sansalu. (2008). *Kadazandusun di Sabah Pendidikan dan Proses Pemodenan 1881-1967*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Francis, W.N. (1983). *Dialectology an Introduction*. London, New York: Longman.
- Grimes, B. F. (ed.). (1996). *Ethnologue: Languages of the World*. Texas: Summer Institute of Linguistics.
- Henry Bating. (2001). *Ejaan Bahasa Kadazandusun dan Aspek-aspek Persoalan*. Penampang: Persatuan Kebudayaan Kadazandusun.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2011). *Buku Tahunan Perangkaan Sabah 2011*. Sabah: Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Sabah.
- Jasmin Badrudin, Mohammad Nur Latif & Shahidi A.H. (2014). Fonologi Bahasa Kantuk: Keperabatan dan Keeratannya dengan Bahasa Iban dan Dialek Melayu Semenanjung. *GEOGRAFIA Online™ Malaysian Journal of Society and Space*, 10 (1), 94-100.
- Kadazan Dusun Cultural Association Sabah. (2015). *Kadazan-Dusun Malay-English Dictionary*. Kadazan Dusun Cultural Association, Sabah: Kota Kinabalu.
- Kadazan Society Sabah (KSS). (2011). *Kadazan Dictionary*. Kadazan Society Sabah: Penampang.
- Keraf, Gorys. (1984). *Linguistik Bandingan Historis*. Jakarta: Penerbit PT Gramedia.
- Miller, C. (1988). *The Dusun Language: Dialect Distribution and Question of Language Maintenance*. Kertas Kerja dibentangkan di Conference on Dusun Culture, United Sabah Dusuns Association (USDA). Kota Kinabalu.
- Minah Sintian & Mohd. Sharifudin Yusop. (2016, Mei). *Perbandingan Ciri Leksikal Kata Nama Am dalam Dialek Keluarga Dusunik*. Kertas Kerja dibentangkan dalam Seminar Antarabangsa Memartabatkan Bahasa Melayu ASEAN ke-3. Pattani: Universiti Fatoni, Thailand.
- Mohammad Fadzeli Jaafar, Norsimah Mat Awal & Idris Aman. (2012). Sikap dan Kefahaman pelajar Terhadap Dialek Negeri Sembilan: Kajian Sosiolinguistik. *GEMA Online™ Journal of Language Studies*. 12(4), 1193-1211.
- Mohd. Sharifudin Yusop. (2011). Ciri leksikal dialek Kanaq. *Jurnal Linguistik*. Jilid 13, 1-21.
- Mongulud Boros Dusun Kadazan (MBDK). (1994). *Komoiboros Dusunkadazan*. Mongulud Boros Dusun Kadazan: Sabah.

- Nor Hashimah Jalaluddin, Norlisafina Sanit, Zaharani Ahmad & Harishon Mohd. Razi. (2016). Variasi Kata Ganti Nama Dialek di pesisir Sungai Perak: *Analisis Geographical Information System (GIS)*. *GEMA Online® Journal of Language Studies*. 16(1), 109-123.
- Rahim Aman. (2007). Fonetik dan Fonologi. Dalam Zulkifley Hamid, Ramli Md. Salleh dan Rahim Aman (penyunt.). *Linguistik Melayu* (2<sup>nd</sup> ed.), (hlm. 48 - 62). Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Raja Mukhtaruddin. (1986). *Dialek Perak*. Ipoh: Yayasan Perak.
- Ranjit Singh, D.S. (2003). *The Making of Sabah 1865 – 1941 the Dynamics of Indigenous Society*. Edisi Kedua. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Regis, P. (1989). Demography. Dalam Jeffery G. Kitingan & Maximus J. Ongkili (Eds.). *Sabah 25 Years Later 1963-1988* (hlm. 405-450). Kota Kinabalu: Institute for Development Studies (Sabah).
- Swettenham, F. A. (1880). Comparative Vocabulary of the Dialects of some of the Wild Tribes Inhabiting the Peninsula, Borneo, &c. *Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society*. 5. 125 - 156. Germany: SCHMIDT PERIODICALS GMB.
- Trudgill, P. (2014). Dialect contact, dialectology and sociolinguistics. Dalam Bolton Kingsley & Kwok, Helen (Eds.). *Sociolinguistics Today* (hlm.71-79). London/ New York: Routledge Taylor & Francis Group.
- Zaharani Ahmad. (1993). *Fonologi generatif: Teori dan Penerapan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zaharani Ahmad. (2006). Kepelbagaian Dialek dalam Bahasa Melayu: Analisis Tatatingkat Kekangan. *Jurnal e-Bangi*. 1 (1), 1-26. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zainal Abiddin Masleh. (2011). Kajian Etnolinguistik Terhadap Kelestarian Bahasa Bhuket dan Bahasa Lahanan di Daerah Belaga, Sarawak. *Tesis Ph.D*, Universiti Putra Malaysia.